

13/02/1998

MSC ikut jadual: PM

CYBERJAYA, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pelaksanaan projek Koridor Raya Multimedia (MSC) berkembang lebih cepat daripada dijangkakan, walaupun negara menghadapi kegawatan ekonomi.

Sambil menafikan ada pelabur yang sudah menarik diri, Perdana Menteri berkata kemajuan projek itu setakat ini adalah setahun lebih awal daripada yang dijadualkan.

"Setakat yang saya tahu, kegawatan ekonomi sekarang tidak menjejaskan pelaksanaan MSC, malah kita (projek MSC) adalah setahun ke hadapan. Jadi jika ada pun kesannya, kita sepatutnya mempercepat kemajuannya.

"Kerajaan tidak ada sebab untuk menangguhkan projek MSC. Kita tidak membelanjakan banyak wang untuk projek ini kerana peruntukan bagi MSC sudah dibuat lebih awal lagi.

"Banyak perbelanjaan akan datang daripada syarikat yang akan melabur di MSC. Oleh itu, tidak ada sebab kenapa kita harus menangguhkan projek ini. Malah tidak ada syarikat menarik diri," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian pada sidang akhbar bersama dengan anggota Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) mengenai MSC di sini hari ini. Beliau ditanya sama ada projek MSC akan ditangguhkan berikutan krisis kewangan yang melanda Malaysia dan beberapa negara Asia yang lain.

Sebelum itu, Perdana Menteri mempengerusikan mesyuarat IAP MSC kedua.

Mesyuarat dua hari itu dihadiri 13 anggota IAP dan 13 wakil anggota. Ia membincangkan beberapa isu teknologi maklumat global dan kesannya terhadap pembangunan MSC. Ia turut membincangkan tahap perkembangan perundangan siber, perdagangan elektronik dan polisi kerajaan terhadap industri berkenaan.

Dr Mahathir berkata, dalam tempoh lima tahun operasi, 180 syarikat yang memohon status MSC berjanji akan melabur kira-kira RM4.2 bilion.

Setakat ini, 103 syarikat mendapat status itu. Sebanyak 37 peratus terbabit dalam bidang telekomunikasi, pembangunan perisian (14 peratus), pembangunan kandungan dan pengawasan dalam talian (17 peratus), manakala 10 peratus di bidang animasi, penyiaran dan penerbitan.

Bakinya terbabit dalam bidang seperti sistem integrasi, latihan pendidikan dan aplikasi lajur lebar dan rangkaian.

Perdana Menteri turut memberi jaminan kepada pelabur kerajaan tidak akan mengenakan sebarang sekatan terhadap maklumat tertentu dalam pembangunan MSC.

Selain itu, pelabur diberi jaminan soal mendapatkan sumber tenaga kerja intelek tidak akan menjadi masalah kerana institusi pengajian tinggi tempatan berupaya melahirkan sehingga 7,000 graduan terbabit setahun. Pada masa sama, kerajaan akan membenarkan kemasukan tenaga kerja yang sama dari luar dengan memberi kelonggaran tertentu.

Dr Mahathir berkata, adalah menjadi keutamaan kerajaan memastikan syarikat baru yang disenaraikan dalam Bursa Dagangan Sekuriti dan Sebut Harga Automasi (Mesdaq) mendapat pembiayaan sewajarnya, terutama apabila terbabit dengan industri maklumat.

Ditanya cadangan supaya kerajaan memberi pelepasan cukai kepada kegiatan perdagangan elektronik, beliau berkata perkara itu akan dikaji secara terperinci kerana sebarang keputusan adalah sukar ditarik balik.

Terdahulu, beliau menegaskan Malaysia perlu mendahului negara lain di rantau ini dalam penguasaan industri maklumat dan penguatkuasaan undang-undang siber serta harta intelek.

"Jika tidak, kita tidak mampu menarik pelabur asing ke sini dan melindungi harta intelek yang dibangunkan oleh rakyat tempatan. Tindakan ini juga akan memastikan pelabur asing rasa terjamin dan berpuas hati untuk menjalankan kegiatan di sini," katanya.

Perdana Menteri turut mengulangi kenyataan mengenai kekukuhan asas ekonomi negara yang disumbangkan oleh kestabilan politik, pertumbuhan dan keuntungan syarikat, pasaran modal yang cergas, sistem perbankan baik serta inflasi sangat rendah.

Mengenai mesyuarat IAP berikutnya, Dr Mahathir berkata ia mungkin diadakan dalam masa satu tahun `tetapi jika perlu, mungkin lebih awal'.

(END)